



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA

SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR

~~KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA~~  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Tel : +603-8884 9302  
Fax : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. kami : KPM.600-6/1/20 JLD ( )  
18 Februari 2019  
13 Jamadilakhir 1440H

Kelab Duta Rimba @  
Jungle Ambassador Club  
Blok C-4-3, Kuarter Pendidikan Guru  
Jalan Ahtinahappan, Taman Tun Dr Ismail  
60000 Kuala Lumpur

Tuan,

**KEBENARAN PELIBATAN GURU DAN MURID UNTUK MENYERTA  
INTERNATIONAL UNITY CAMP AND ECO LITERACY 2019**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan guru dan murid-murid sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** membenarkan murid dan guru untuk menyertai program **International Unity Camp And Eco Literacy 2019** yang akan diadakan pada **4 April 2019 hingga 10 April 2019** bertempat di **Jakarta dan Bandung, Indonesia**. Walau bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:


- 3.1 Pihak penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini;
- 3.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.3 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
- 3.4 Guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah untuk mengiringi murid dalam program berkenaan;

- 3.5 Bagi penyertaan dan penglibatan guru dalam program berkenaan semasa hari persekolahan, guru-guru diminta agar memohon **Cuti Tanpa Rekod** melalui Ketua Jabatan masing-masing. Permohonan tersebut hendaklah sampai ke pihak yang berkenaan selewat-lewatnya 28 hari bekerja sebelum tarikh cuti dipohon;
- 3.6 Bagi penyertaan dan pelibatan guru dalam program keluar negara, pemohon perlu mematuhi **Peraturan Keluar Negara** dan mendapat kelulusan dengan mengisi borang **Lampiran A** dan perlu dihantar untuk **sokongan Pengarah Pendidikan Negeri sekurang-kurangnya 2 (dua) minggu dari tarikh permohonan**; dan
- 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, PPD dan sekolah yang terlibat.
4. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai untuk tujuan rekod dan rujukan. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru bagi menyertai *International Unity Camp And Eco Literacy 2019* pada 4 April 2019 hingga 10 April 2019 dan luput selepas 31 Disember 2019.** Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SHAARI BIN OSMAN)**

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Pengarah, Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni
  2. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri